

12 JAN 2002

Sukan-Ironman

ATLIT KURANG UPAYA ANTARA 50 PESERTA NEGARA SERTAI IRONMAN LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Seorang atlit kurang upaya adalah antara 50 peserta negara yang menyertai kejohanan Ironman Langkawi kali ketiga bermula 27 Jan ini.

Pengarah Urusan Langkawi Ironman Endurance Marathon Sdn Bhd (LIEM), Datuk Sri Ram Sarma berkata atlit berkenaan, Mahathir Ejin, 20, dari Sabah menyerahkan borang penyertaannya hari ini.

Katanya Mahathir yang cacat di kaki dan berdaftar dengan Majlis Paralimpik Malaysia akan mengambil bahagian dalam ketiga-tiga slot kejohanan termasuk berlari, renang dan berbasikal.

Beliau berkata kejohanan kali ini juga menyaksikan penyertaan paling ramai peserta negara berbanding dua kejohanan terdahulu.

"Penyertaan teramai yang kita terima adalah daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan MAKSAK," katanya di sini hari ini.

Ram Sarma berkata beberapa atlit veteran termasuk bekas jurulatih skuad lumba basikal negara, Ng Joo Ngan, 54, atlit veteran negara Yee Zee Mun, 64, Datuk Khairuddin Yusof, 62 dan Sufian Ismail, 42, turut mengambil bahagian pada kejohanan kali ini.

Bagi kategori wanita pula, katanya dua wakil negara ke Kona, Hawaii iaitu Nadia Johan Lim dari Kuala Lumpur dan Dr Fiona Lim dari Sabah sudah mengesahkan penyertaan masing-masing.

Katanya LIEM juga menyandarkan harapan untuk mendapatkan sekurang-kurangnya dua tempat untuk ke Kona tahun ini, masing-masing melalui Razani Hussain yang mencatatkan masa 10 jam 31 min 42 saat dan Dr Fiona Lim yang mencatatkan masa terpantas 12 jam 56 min dan 24 saat.

"Kita berkeyakinan peserta negara tahun ini akan memberikan saingan lebih hebat pada kejohanan kali ini berikutan ramai atlit yang berdaftar adalah daripada kalangan mereka yang sudah lama menceburi bidang sukan triatlon," tambahnya.

Ironman Malaysia menawarkan hadiah wang tunai sebanyak RM190,000 dan 30 slot kelayakan ke Kona Hawaii.

-- BERNAMA

BZ ZS LAT